

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat menggunakan kaedah bekam di hospital-hospital Kerajaan. Ini kerana bekam adalah satu cara rawatan "evidence-based" yang berkesan dalam menangani penyakit kronik dan dapat mengurangkan kos rawatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menghasilkan satu Laporan Penilaian Teknologi (*Technology Review*) berkenaan Bekam (*cupping therapy*) pada tahun 2012 yang menyatakan bahawa tiada bukti yang kukuh untuk menyokong keberkesanannya dalam rawatan penyakit seperti *herpes zoster, facial paralysis, back pain, spondylosis, cerebrovascular accident, hypertension, fibromyalgia, bronchitis, asthma* dan sakit kepala. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan meneruskan kajian dan menghasilkan satu Laporan Teknologi Kesihatan berkenaan *Wet Cupping for Diabetes and Cardiovascular Disease* yang akan meneliti bukti saintifik berkaitan keberkesanannya bekam basah bagi kedua-dua indikasi tersebut dalam masa terdekat.

Sehubungan itu, pengenalan perkhidmatan bekam di fasiliti kesihatan kerajaan boleh dipertimbangkan berdasarkan hasil laporan penilaian teknologi tersebut dan situasi semasa.

KKM akan meneruskan usaha untuk memartabatkan Perubatan Tadisional & Komplementari (PT&K) di Malaysia selaras dengan pengiktirafan pihak Kerajaan terhadap sumbangan PT&K dalam pemeliharaan dan menjagaan kesihatan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.